

BERITA ONLINE

BERITA HARIAN

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)



GENTARI bakal jadi pembekal tenaga bersih negara

Oleh [Alzahrin Alias](#) - September 16, 2022 @ 11:01am
zahrin@mediaprime.com.my



Tengku Muhammad Taufik menyampaikan ucapan pada majlis pelancaran GENTARI di Kuala Lumpur. - NSTP/Eizairi Shamsudin

KUALA LUMPUR: Gentari Sdn Bhd (GENTARI), entiti milik penuh PETRONAS akan menjadi pembekal tenaga bersih bersepada dan sehenti, dengan menawarkan rangkaian penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, hidrogen dan mobiliti hijau untuk pelanggan komersial, perindustrian serta runcit.

Pengerusi GENTARI, Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz, berkata GENTARI telah memulakan beberapa inisiatif dan usaha sama dalam misinya untuk tersenarai dalam kalangan syarikat tenaga bersih terkemuka dunia.

Beliau yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS berkata, bagi mewujudkan kelainan berbanding pesaing lain, GENTARI berhasrat untuk memenuhi pelbagai aspek keperluan pelanggan melalui penyediaan satu portfolio penyelesaian berasaskan model bersepadu yang merentas rantaian nilai elektron, sekali gus mempermudah usaha ke arah sifar bersih.

Katanya, walaupun menerima sokongan PETRONAS pada fasa awal, GENTARI akan diuruskan sebagai sebuah entiti bebas, sambil mengejar peluang pendanaan bagi mempercepat pertumbuhannya demi memenuhi permintaan sedia ada serta meneroka tenaga baharu muncul.

"Sejak diperkenalkan pada awal tahun ini, GENTARI telah mencapai perkembangan yang menggalakkan dalam usaha membekalkan tenaga karbon rendah dan membantu pelanggan di dalam dan luar Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon.

"Perkembangan itu terhasil menerusi penyediaan penyelesaian dan sistem yang mudah diakses pada kadar berpatutan, yang dijana hasil pengeluaran dan infrastruktur berskala.

"Seiring dengan langkah merealisasikan aspirasi GENTARI, kami berhasrat untuk menyumbang secara signifikan ke arah matlamat tenaga boleh diperbaharui negara dengan membantu pelanggan tempatan beralih kepada sumber tenaga lebih bersih," katanya selepas majlis perasmian GENTARI di sini, malam tadi.

GENTARI dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Turut hadir, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

Mengulas lanjut, Tengku Muhammad Taufik berkata, Rancangan Malaysia Ke-12 menyasarkan 31 peratus daripada jumlah kapasiti tenaga terpasang negara adalah daripada tenaga boleh diperbaharui menjelang 2025, manakala Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia menyasarkan pencapaian 40 peratus peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang 2035.

Beliau berkata, penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, hidrogen dan mobiliti hijau yang ditawarkan GENTARI akan merangkumi projek-projek tempatan, serantau serta antarabangsa untuk memenuhi permintaan pelanggan dan peluang yang terdapat di pasaran.

Katanya, dalam teras tenaga boleh diperbaharui, GENTARI akan membina kapasiti tenaga keseluruhan sebanyak 30 hingga 40 gigawatt (GW) di pasaran utama menjelang 2030 menerusi projek-projek berskala utiliti merentasi tenaga solar, angin dalam dan luar pesisir pantai serta penyimpanan bateri untuk pelanggan komersial, perindustrian dan runcit.

"Bagi teras hidrogen, GENTARI menawarkan penyelesaian hidrogen rendah karbon yang kos kompetitif menerusi rangkaian bekalan global yang komprehensif untuk memenuhi permintaan eksport dan tempatan.

"Aspirasi GENTARI adalah untuk menjana sehingga 1.2 juta tan setahun (mtpa) hidrogen bersih menjelang 2030. Teras ini akan menumpukan pelanggan perindustrian, tenaga dan pengangkutan, khususnya perniagaan-perniagaan yang awal menerima guna hidrogen," katanya.

Setakat ini, GENTARI telah menandatangani 12 Memorandum Persefahaman dengan rakan niaga antarabangsa bagi projek pembangunan di Malaysia, India dan Timur Tengah serta pelanggan di Asia Timur.

Ia meliputi inisiatif untuk meneroka pembangunan projek hidrogen hijau dan pengangkutan, sokongan dasar dan kawal selia terhadap industri hidrogen serta kajian rantaian bekalan ammonia rendah karbon.

Tengku Muhammad berkata, bagi teras Mobiliti Hijau, GENTARI berhasrat untuk menyokong ekosistem kenderaan elektrik (EV) dengan menguasai 10 peratus jumlah pasaran.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran itu, GENTARI perlu menyediakan anggaran 25,000 kemudahan pengecasan awam di pasaran utama Asia Pasifik menjelang 2030.